

25/06/2001

Pelajar cacat penglihatan tamat pengajian tahfiz

NABIL Mahathir berusia 14 tahun yang cacat penglihatan menerima sijil daripada Datuk Dr Abdul Hamid Othman selepas menamatkan pengajian dalam bidang tahfiz di Sudan.

Nabil berjaya menghafal al-Quran 30 juzuk sebanyak tujuh kali semenjak berada di negara itu. Kejayaan itu menjadikannya antara pelajar yang terbaik dari kalangan 40 penerima sijil itu.

Beliau muncul sebagai pelajar terbaik dengan keputusan yang dicapainya 100 peratus bagi mata pelajaran al-Quran, Karangan serta Dengar dan Faham, Akhlak Islamiah (97 peratus), Ejaan (91 peratus), Bacaan (94 peratus), Soalan Latihan (94 peratus), Nahu (85 peratus), Syair Hadis dan Ayat al-Quran (98 peratus) dan Bahasa Arab (95 peratus).

Ketika ditemui Berita Harian awal Mei lalu, Nabil berkata, beliau berhasrat melanjutkan pelajaran di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dalam bidang Pengajian Bahasa Arab dan al-Quran.

"Jika tidak dapat memasuki UIAM, saya merayu diterima meneruskan pengajian di Institut Pengajian Islam Kedah (Insaniah)," katanya.

(END)